

**DAP Guna Isu PPSB Dan Status Pelabuhan Untuk Raih Sokongan Politik - Chua Bernama**  
**9 Jun, 2012**

NIBONG TEBAL, 9 Jun (Bernama) -- Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC) Datuk Seri Dr Chua Soi Lek membidas kenyataan beberapa pemimpin DAP yang didakwa mempolitikkan isu penswastaaan Penang Port Sdn Bhd (PPSB) dan status pelabuhan bebas cukai di negeri ini untuk meraih sokongan rakyat.

Chua yang juga Presiden MCA berkata kedua-dua isu tersebut merupakan dua perkara berbeza walaupun pada hakikatnya ia bertujuan menjana pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang untuk kesejahteraan rakyat.

"Saya kecewa dengan kenyataan pemimpin DAP yang mempolitikkan isu status pelabuhan bebas cukai dan penswastaaan PPSB untuk kepentingan politik mereka, sebenarnya kedua-dua perkara itu adalah berbeza.

"Dengan adanya pelabuhan bebas cukai ia memberi keistimewaan kepada penduduk dan akan menjadi tarikan pelancong, ia sangat bagus untuk pertumbuhan ekonomi negeri khususnya dalam sektor pelancongan, manakala penswastaaan PPSB pula akan meningkatkan keupayaan operasi pelabuhan Pulau Pinang serta penjana ekonomi yang lebih kukuh," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sebagai mengulas kenyataan pemimpin DAP yang mempertikaikan tindakan penswastaaan PPSB oleh kerajaan pusat sebagai satu konspirasi menyekat kemajuan ekonomi Pulau Pinang.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=671742>